

# Istana Budaya, Menara KL juara pertandingan pencahayaan bangunan

KUALA LUMPUR 20 Nov. – Istana Budaya dan Menara Kuala Lumpur masing-masing diumumkan johan Pertandingan Kecantikan dan Pencahayaan Bangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) sempena sambutan ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara.

Istana Budaya menjuarai kategori bangunan kerajaan manakala Menara Kuala Lumpur, kategori swasta.

Pertandingan anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu turut menobatkan Hotel Federal dan Menara Public Bank sebagai juara bagi kategori hotel dan bank.

Pemenang utama wang tunai RM10,000 di penyertaan, cenderamata dan piala pusiran yang diberikan oleh Timbalan Menteri WPKL, Datuk Wira Abu Seman Yusop.

Hadir sama pada majlis itu ialah Timbalan Ketua Pengarah Pentadbiran DBKL, Normah Malik.

Abu Seman berkata, sebanyak

35 pemilik bangunan daripada 374 yang ditawarkan mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

"Pertandingan ini diadakan sempena sambutan hari kemerdekaan negara kita di mana pemilik-pemilik bangunan diminta menghiasi dan mencahayakan bangunan masing-masing.

"Secara tidak langsung ini dapat menonjolkan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang penuh bercahaya dan menjadi satu daya tarikan kepada para pelancong untuk datang ke Kuala Lumpur," katanya.

Ketika ditanya pemberita mengapa hanya sedikit pemilik bangunan yang bersetuju mengambil bahagian dalam pertandingan itu, Normah berkata, mereka mungkin tidak berminat atas faktor tidak cukup peruntukan.

"Untuk tahun akan datang pihak kami akan berbincang dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) supaya memberi foto-

ngan harga tarif elektrik kepada pemilik bangunan yang mengambil bahagian," katanya.

Sementara itu, Parlimen Malaysia muncul naib juara kategori bangunan kerajaan dan tempat ketiga ialah Masjid Negara.

Manakala bangunan Medan MARA dan Angkasapuri masing-masing menerima hadiah saguhati dalam kategori yang sama.

Untuk kategori bangunan swasta, naib juara disandang Menara Telekom Malaysia Berhad, UDA Mall di tempat ketiga dan Wisma Genting dan bangunan ibu pejabat TNB masing-masing menerima hadiah saguhati.

Menara Maybank dan Menara Ambank masing-masing muncul tempat kedua dan ketiga dalam kategori bank.

Untuk kategori hotel pula, tempat kedua dan ketiga masing-masing dimenangi Hotel J.W Marriot dan Hotel Grand Season.



ABU Seman Yusop (tengah) beramah mesra dengan para pemenang dari kiri, Lee Lian Terk, Zulkifli Mohamad, Mohamed Juhari Shaarani (dua dari kanan) dan Sim Goay Chye (kanan) selepas majlis penyampaian Pertandingan Kecantikan & Pencahayaan Bangunan 2007 di Menara Kuala Lumpur, baru-baru ini.